

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMPEN BARING, DAFTAR & MENANG

1. Apakah Kempen Baring, Daftar & Menang?

Kempen Baring, Daftar & Menang ("**Kempen**") adalah inisiatif daripada Air Selangor untuk mempromosikan pendaftaran e-Bil dengan Air Selangor ("**e-Bil**"). e-Bil membolehkan pengguna Air Selangor menerima bil air mereka melalui platform digital (e-mel atau WhatsApp).

2. Berapa lamakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini bermula pada 15 Ogos 2023 dan berakhir pada 14 Mac 2024 ("**Tempoh Kempen**").

3. Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pengguna domestik Air Selangor (Kod 10) berumur 18 tahun dan ke atas yang merupakan pendaftar pertama kali e-Bil sepanjang Tempoh Kempen tertakluk kepada Terma & Syarat Am.

4. Bolehkah pengguna Air Selangor yang telah mendaftar untuk e-Bil sebelum Tempoh Kempen menyertai Kempen ini?

Tidak boleh. Kempen ini hanya terbuka kepada pengguna Air Selangor yang mendaftar untuk e-Bil semasa Tempoh Kempen.

5. Bolehkah pengguna Air Selangor yang mempunyai beberapa akaun air yang didaftarkan di bawah namanya menang untuk setiap akaun air?

Tidak boleh. Jika pengguna Air Selangor mempunyai lebih daripada satu (1) akaun bekalan air Air Selangor di bawah nama dan nombor kad pengenalan yang sama, maka hanya satu (1) akaun sahaja yang layak untuk memenangi Kempen ini.

6. Bagaimanakah pendaftaran Kempen ini disahkan?

Pendaftaran Kempen ini disahkan menerusi nama peserta, nombor kad pengenalan, e-mel dengan Air Selangor dan akaun bekalan air Air Selangor.

7. Bagaimanakah peserta akan dihubungi untuk menerima hadiah?

Pemenang Kempen ini akan dihubungi melalui salah satu platform di bawah:-

- e-mel;
- khidmat pesanan ringkas (SMS); atau
- panggilan telefon.

8. Jika pengguna Air Selangor mendaftar untuk e-Bil sebelum Tempoh Kempen, adakah ia boleh dikira sebagai penyertaan Kempen ini?

Tidak. Pengguna Air Selangor yang mendaftar sebelum Tempoh Kempen tidak boleh dikira sebagai penyertaan Kempen yang sah.

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMPEN BARING, DAFTAR & MENANG

9. Apakah kriteria untuk pemilihan pemenang?

Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria berikut:-

- **Lapisan 1:** Pendaftaran e-Bil baharu.
- **Lapisan 2:** Pendaftaran Kempen ini.
- **Lapisan 3:** Membuat pembayaran bil air tanpa sebarang tunggakan sepanjang Tempoh Kempen.
- **Lapisan 4:** Pemenang akan dipilih secara rawak pada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.

10. Bolehkah peserta mendaftar untuk e-Bil menggunakan selain daripada aplikasi mudah alih Air Selangor dan masih layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini?

Ya, peserta layak untuk menyertai Kempen ini jika peserta mendaftar untuk e-Bil melalui portal Air Selangor atau di kaunter-kaunter perkhidmatan Air Selangor sepanjang Tempoh Kempen.

11. Dimanakah pengguna-pengguna Air Selangor boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Kempen ini?

Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.airselangor.com/sambilbaring>